



PROSEDUR OPERASI STANDARD PENYELENGGARAAN LIF BAGI JMB/MC DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

DISEDIAKAN OLEH:

**BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

ALAMAT:

**JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
TINGKAT 17, BANGUNAN TH PERDANA
1001 JALAN SULTAN ISMAIL
50250 KUALA LUMPUR**

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	OBJEKTIF	3
2.0	SKOP	3
3.0	RUJUKAN	4-6
4.0	TAFSIRAN	7-9
5.0	SINGKATAN	10
6.0	PROSES KERJA	11-15
7.0	CARTA ALIR PROSES PEMFAILAN	16
8.0	LAMPIRAN	17
	-Lampiran 1	18
	-Lampiran 2	20
	-Lampiran 3	22
	-Lampiran 4	23

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana isi kandungan dan ilustrasi prosedur ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis dari Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur

1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini disediakan bagi menjelaskan langkah-langkah serta perkara-perkara yang perlu dititik beratkan sepanjang proses penyelenggaraan lif bagi pemajuan berstrata di Kuala Lumpur. Ianya juga memfokuskan tentang tanggungjawab dan tindakan yang perlu diambil oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan/atau Perbadanan Pengurusan (MC) selaras dengan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), Peraturan – Peraturan Pengurusan Strata (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2015, Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139), Peraturan Kilang dan Jentera (Lif Letrik Penumpang-Penumpang dan Barang - Barang) 1970, Peraturan Kilang dan Jentera (Pemberitahuan Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan Kilang dan Jentera) 1970 dan Garis Panduan Mendapatkan Kebenaran Ambilalih Seleggaraan Lif dan Eskalator 2012, JKPP

2.0 SKOP

- 2.1 Prosedur ini digunapakai oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan/atau Perbadanan Pengurusan (MC) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 2.2 Panduan ini bagi pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan lif berkala yang dilakukan di semua pembangunan berstrata yang mempunyai lif.
- 2.3 Bermula dari perlantikan kontraktor penyelenggaraan lif hinggalah ke senarai semak kerja-kerja selenggara yang dibuat.
- 2.4 Pemantauan kerja-kerja penyelenggaraan lif di tapak yang sedang dilakukan oleh pekerja kontraktor (orang kompeten).

3.0 RUJUKAN

3.1 Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)

Di bawah seksyen 21 (1)(a) Untuk menyenggarakan dan menguruskan dengan sepatutnya bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak dan harta bersama, dan menjaganya dalam keadaan yang baik dan pembaikan yang dapat digunakan.

Di bawah seksyen 59 (1)(a) Untuk menyenggarakan dan menguruskan dengan sepatutnya bangunan atau tanah yang dipecah bahagi dan harta bersama dan menjaganya dalam keadaan yang baik dan pembaikan yang dapat digunakan.

3.2 Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015

Di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015, Bahagian 2, Undang-Undang Kecil 3 (1) memperuntukkan bahawa Perbadanan Pengurusan hendaklah menyenggara dalam keadaan yang baik dan pembaikan yang dapat digunakan, dan apabila perlu, memperbaharui atau mempertingkatkan, lekapan dan lengkapan, lif, pemasangan, alatan dan perkakasan yang sedia ada wujud dalam kawasan pemajuan dan digunakan atau boleh digunakan atau dinikmati oleh penghuni dua atau lebih petak.

3.3 Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139)

Di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139), Seksyen 19(1) memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh mengendalikan atau menyebabkan atau membenarkan supaya dikendalikan apa-apa jentera yang berkenaan dengannya suatu perakuan kelayakan ditetapkan melainkan jika ada berkuat kuasa berhubung dengan pengendalian jentera itu suatu perakuan kelayakan yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

Dalam hal apa-apa pelanggaran subseksyen (1) seseorang Pemeriksa hendaklah dengan serta-merta menyampaikan kepada orang yang disebut dahulu suatu notis secara bertulis yang melarang pengendalian jentera itu, atau boleh menyebabkan jentera itu tidak boleh dikendalikan sehingga suatu masa apabila perakuan kelayakan yang sah dikeluarkan.

Perakuan kelayakan yang dikeluarkan di bawah Akta ini hendaklah masing-masing mengikut bentuk yang ditetapkan dan hendaklah tertakluk kepada Akta ini, bagi apa-apa tempoh yang ditetapkan.

3.4 Peraturan Kilang dan Jentera (Pemberitahuan Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan Kilang dan Jentera 1970. (Akta 139)

Peraturan 10(1), Peraturan Kilang dan Jentera (Pemberitahuan Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan Kilang dan Jentera 1970, menjelaskan bahawa Pemunya bagi mana-mana vesel tekanan tak berapi, dandang stim atau mesin pengangkut yang dipacu oleh tenaga manual hendaklah mempunyai Sijil Perakuan Kelayakan yang sah selagimana jentera dimaksudkan masih digunakan.

Sijil Kelayakan yang sah bagi vesel tekanan tak berapi, dandang stim atau mesin pengangkut hendaklah menurut Borang A, Borang B, dan Borang C, di dalam Jadual Keenam bagi Peraturan ini.

3.5 Peraturan Kilang dan Jentera (Lif Letrik Penumpang-Penumpang dan Barang-Barang) 1970. (Akta 139)

Peraturan 31(1) bagi Peraturan Kilang dan Jentera (Lif Letrik Penumpang-Penumpang dan Barang-Barang) 1970. (Akta 139) pula menggariskan bahawa setiap Pemunya lif hendaklah memastikan lif diselenggara dengan baik.

Bagi memenuhi kehendak pada Peraturan 31(1), pemilik dimaksudkan hendaklah membuat perjanjian dengan firma penyelenggaraan lif yang berdaftar dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (DOSH), bagi kerja-kerja pemeriksaan dan penyelenggaraan lif tersebut.

Dengan syarat, bahawa perjanjian itu tidak melepaskan Pemunya lif dari tanggungjawab menyelenggara lif secara menyeluruh yang mana keseluruhan lif tersebut adalah sebahagian daripada bangunan.

Perjanjian itu pula hendaklah bagi satu tempoh yang tidak kurang daripada satu (1) tahun, dan hendaklah menyatakan nama orang kompeten yang berkerja di bawah syarikat yang berdaftar bagi maksud melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan penyelenggaraan berkala. Perkara ini telah dijelaskan dalam Peraturan 31(4).

Menurut Peraturan 31(5) pula, Orang kompeten yang dilantik hendaklah dengan teliti memeriksa lif sekurang-kurangnya sekali setiap 3 bulan dan hendaklah lif tersebut diselenggara dan diselaraskan sekali setiap bulan.

Peraturan 31(6) pula mewajibkan suatu daftar berkenaan dengan setiap lif hendaklah disimpan di dalam premis lif itu dipasang sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual Kedua, Peraturan-peraturan ini.

4.0 TAFSIRAN

Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)

Akta Kilang dan Jentera 1967

No.	Perkara	Penjelasan
4.1	Pemaju	<p>Suatu kawasan pemajuan, ertinya mana-mana orang atau kumpulan orang, dengan apa jua nama yang diperihalkan, yang memajukan mana-mana tanah bagi maksud kegunaan kediaman, komersil atau perindustrian, atau suatu kombinasi bagi kegunaan-kegunaan itu;</p> <p>Berhubung dengan suatu bangunan atau tanah yang dipecah bahagi, termasuk pemilik asal lot itu sebelum pecah bahagi itu.</p> <p>Dan termasuk wasi, pentadbir dan pengganti dalam hakmilik dan pemegang serah hak yang dibenarkan orang atau kumpulan orang itu, dan dalam hal jika orang atau kumpulan orang itu sedang dilikuidasikan, termasuk mana-mana orang atau badan yang dilantik oleh mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa untuk menjadi pelikuidasi sementara.</p>
4.2	Badan Pengurusan Bersama	Badan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 17 (Dikenali sebagai JMB)
4.3	Ejen Pengurusan	Seseorang yang dilantik oleh Pesuruhjaya Bangunan di bawah Seksyen 86
4.4	Perbadanan Pengurusan	Perbadanan pengurusan yang wujud di bawah Akta Hakmilik Strata 1985

No.	Perkara	Penjelasan
4.5	Pesuruhjaya Bangunan (COB)	Seorang pegawai dan mana-mana pegawai yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi maksud mentadbir dan menjalankan peruntukan Bahagian II Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).
4.6	-Ketua Pemeriksa -Timbalan Ketua Pemeriksa -Pemeriksa Kanan -Pemeriksa	Masing-masing ertinya Ketua Pemeriksa Kilang dan Jentera, Timbalan Ketua Pemeriksa Kilang dan Jentera, Pemeriksa Kanan Kilang dan Jentera, dan Pemeriksa Kilang dan Jentera yang dilantik di bawah Seksyen 4, Akta Kilang dan Jentera 1967
4.7	Lif	Suatu alat yang direka bentuk untuk mengangkut penumpang atau barang atau kedua-duanya diantara dua paras atau lebih mengikut arah tegak dengan menggunakan lif kar atau pelantar itu didapati melalui suatu motor elektrik yang dipasang pada alat mengangkat, dan termasuklah jentera, tali gantung, penghentak hidro, topang, dan lengkongan yang dikehendaki yang berkaitan dengannya , dan termasuklah lif elektrik atau lif hidraulik dan lif paternoster atau lif selanjar, tetapi tidak termasuk sangkar lombong sebagaimana yang digunakan di lombong bawah tanah.
4.8	Menyenggara	Menyenggara dalam keadaan cekap, boleh digunakan dengan cekap dan tidak rosak.

No.	Perkara	Penjelasan
4.9	Pemunya	Orang yang pada masa ini menerima sewa atau keuntungan daripada premis atau jentera yang berkaitan dengan perkataan itu digunakan, sama ada bagi pihak dirinya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah bagi mana-mana orang lain atau orang yang patut menerima sewa atau keuntungan itu jika premis atau jentera dipajakan

5.0 SINGKATAN

JMB	-	Badan Pengurusan Bersama
MC	-	Perbadanan Pengurusan
JKKP	-	Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan
AGM	-	Mesyuarat Agung Tahunan
EGM	-	Mesyuarat Agung Luar Biasa
CF	-	Sijil Perakuan Kelayakan
COBKL	-	Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur

6.0 PROSES KERJA: PROSEDUR OPERASI STANDARD PENYELENGGARAAN LIF BAGI JMB/MC DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
6.1	Pihak JMB/ MC mula mengambil alih pengurusan dari Pemaju, termasuk urusan penyelenggaraan lif. Ambil alih pengurusan hendaklah dibuat dalam tempoh 1 bulan selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Pertama JMB/MC.	JMB/MC	Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) Seksyen 7 (2), Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) Seksyen 15
6.2	Pihak JMB/ MC/ Ejen Pengurusan perlu memastikan setiap lif yang beroperasi masih mempunyai satu perakuan kelayakan (CF) yang sah. Kontraktor penyelenggaraan dilantik Pemaju mestilah mengaturkan lawatan pemeriksaan bersama JKPP 3 bulan sebelum tarikh luput CF.	Firma/Syarikat Kompeten Penyelenggaraan Lif (Pemaju)	Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera 1970 (Pemberitahuan Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan), Peraturan 10
6.3	Penamatan Kontraktor Pemaju dan Perlantikan Firma/Syarikat Kompeten penyelenggaraan lif baharu atau lantikan semula kontraktor pemaju. Keputusan hendaklah dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan/ AGM/ EGM bergantung kepada nilai kontrak	JMB/MC/Ejen Pengurusan	Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) Jadual Kedua, Perenggan 6

PROSEDUR OPERASI STANDARD PENYELENGGARAAN LIF BAGI JMB/MC

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
6.4	Tempoh kontrak perjanjian antara JMB/ MC / Ejen Pengurusan dan Firma/Syarikat Kompeten lif berdaftar yang dilantik hendaklah tidak kurang dari 1 tahun tempoh penyelenggaraan.		Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera 1970 (Lif Letrik Penumpang- Penumpang dan Barang- Barang), Peraturan 31 & 32
6.5	Pihak JMB/ MC/ Ejen Pengurusan hendaklah memastikan Firma/Syarikat Kompeten berdaftar yang dilantik menamakan seorang orang kompeten yang mempunyai sijil kelayakan mengendalikan jentera yang sah	Firma/Syarikat Kompeten Penyelenggaraan Lif	Akta Kilang dan Jentera 1967 Seksyen 19(1)
6.6	Pihak JMB/ MC/ Ejen Pengurusan dan Firma/Syarikat Kompeten dilantik hendaklah menetapkan satu Carta Perbatuan Penyelenggaraan Berkala bagi tempoh kontrak perlantikan selaras dengan SOP Penyelenggaraan Lif Bagi JMB/ MC yang disediakan oleh pihak Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur		Jadual Berkala Servis Dan Pemeriksaan Tahunan Bagi Penyelenggaraan Lif Untuk JMB/ MC

PROSEDUR OPERASI STANDARD PENYELENGGARAAN LIF BAGI JMB/MC

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
6.7	<p>Bagi prosedur servis dan penyelenggaraan, pihak JMB/MC/ Ejen Pengurusan hendaklah memastikan Firma/Syarikat Kompeten melakukan servis berkala sebulan sekali. Rekod servis hendaklah disimpan dan Borang Rujukan COB DBKL dan JKPP hendaklah diisi sebagai lampiran rekod.</p>	<p>JMB/MC/Ejen Pengurusan</p>	<p>-Borang Senarai Semak Pemeriksaan Penyelenggaraan Lif Bagi JMB Dan MC -Checklist for Inspection of Electric Passenger and Goods Lift, JKPP</p>
6.8	<p>Setiap 3 bulan penyelenggaraan pula, orang kompeten (berdaftar dengan JKPP) yang dilantik Firma/Syarikat Kompeten perlulah melakukan pemeriksaan dan memeriksa bahagian-bahagian penting lif. Pemeriksaan ini hendaklah tidak melebihi 3 bulan luput dari tarikh pemeriksaan sebelumnya.</p>	<p>JMB/MC/Ejen Pengurusan</p>	<p>-Borang Senarai Semak Pemeriksaan Penyelenggaraan Lif Bagi JMB Dan MC -Checklist for Inspection of Electric Passenger and Goods Lift, JKPP</p>
6.9	<p>Pihak JMB/ MC/ Ejen Pengurusan perlu memastikan setiap lif yang beroperasi masih mempunyai satu perakuan kelayakan (CF) yang sah. Firma/Syarikat Kompeten penyelenggaraan dilantik mestilah mengatitkan lawatan pemeriksaan bersama JKPP tiga (3) bulan sebelum tarikh luput CF. (Setiap CF hanya sah bagi tempoh 15 bulan sahaja)</p>	<p>Firma/Syarikat Kompeten Penyelenggaraan Lif (JMB/ MC/ Ejen)</p>	<p>Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera 1970 (Lif Letrik Penumpang-Penumpang dan Barang-Barang), Peraturan 31 & 32</p>

PROSEDUR OPERASI STANDARD PENYELENGGARAAN LIF BAGI JMB/MC

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
6.10	Jika pihak Firma/Syarikat Kompeten penyelenggaraan dilantik tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab sepertimana diperuntukkan di bawah Peraturan dan Akta Jentera dan Kilang, Pihak JMB/ MC/ Ejen Pengurusan mesti membuat aduan kepada pihak JKPP supaya tindakan boleh diambil keatas kontraktor tersebut.	JMB/MC/Ejen Pengurusan	-Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera 1970 (Pemberitahuan Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Peraturan 10, -Akta Kilang dan Jentera 1967 Seksyen 19(1)
6.11	Pihak JMB/MC/Ejen Pengurusan hendaklah mengisi senarai semak pemeriksaan penyelenggaraan lif bagi JMB dan MC untuk menilai tahap perkhidmatan kontraktor tersebut.	JMB/MC/Ejen Pengurusan	-Jadual Berkala Servis dan Pemeriksaan Tahunan Bagi Penyelenggaraan Lif COBKL -Borang Rekod Tindakan Kecemasan Kontraktor Lif (Man-Trap Response Form)
6.12	Selepas penilaian prestasi, pihak JMB/ MC/ Ejen Pengurusan hendaklah membincangkan di dalam AGM/ EGM bagi mempertimbangkan samada untuk melantik semula Firma/Syarikat Kompeten penyelenggaraan lif tersebut, atau menamatkan kontrak penyelenggaraan dan melantik kontraktor berdaftar lain bagi menyambung penyelenggaraan sesi seterusnya.	JMB/MC/Ejen Pengurusan	-Akta Kilang dan Jentera 1967 Seksyen 19(1) -Borang Senarai Semak Pemeriksaan Penyelenggaraan Lif Bagi JMB Dan MC -Jadual Berkala Servis dan Pemeriksaan Tahunan bagi Penyelenggaraan Lif - Borang Rekod Tindakan Kecemasan Kontraktor Lif (Man-Trap Response Form)

PROSEDUR OPERASI STANDARD PENYELENGGARAAN LIF BAGI JMB/MC

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
6.13	Proses penyelenggaraan ini akan berulang setiap tahun bermula dari Perkara 4 hingga Perkara 12, selagi di bawah tempoh pihak pengurusan JMB/MC/ Ejen Pengurusan	JMB/MC/Ejen Pengurusan	

LAMPIRAN

**CHECKLIST FOR INSPECTION OF ELECTRIC PASSENGER AND GOODS LIFT
DEPARTMENT OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH, MALAYSIA**

Owner name and address:

Location of Equipment:

Name of competent person:

Rated Load : _____
 No. of Passengers : _____
 Rated Speed : _____
 Motor Horse Power : _____
 Type of Control : _____

Types of Inspection

- | | |
|---|-----------------------|
| <input type="checkbox"/> Routine inspection and test | G = Good |
| <input type="checkbox"/> Periodic inspection and test (Annual) | NG = No Good (repair) |
| <input type="checkbox"/> Periodic inspection and test (Every 5 yrs) | NA = Not Applicable |
| <input type="checkbox"/> Acceptance inspection and test | |

Approved Firm

Lift PMA No.:

Serial Number

Lift No. : _____
 Floor Served : _____
 No. of Opening : _____
 Type of Lift : (Passenger / Goods / Hydraulic / MRL)
 Type of Drive : (Traction Geared / Traction Gearless)

(1) MACHINE ROOM / SPACE

- 1.1 Safe access to LMR or machine space
- 1.2 Door securely locked with signages
- 1.3 Housekeeping
- 1.4 Adequate Lighting and receptacle
- 1.5 Adequate and effective ventilation
- 1.6 Emergency Power Unit (EBOPS)
- 1.7 Fire extinguisher
- 1.8 Conduits, Trunking and earthing
- 1.9 Machine sheave and floor opening guarding
- 1.10 M/c securely supported & fixed in position
- 1.11 Safe means of access to all lift equipment
- 1.12 All equipment are correctly identify and label
- 1.13 Machine brake operation
- 1.14 Motor gears and bearings
- 1.15 Handwinding device / Brake releaser
- 1.16 Traction sheave and grooves
- 1.17 Secondary & deflector sheaves
- 1.18 Rope fastening at terminations
- 1.19 Governor overspeed device and switch

G	NG	NA
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

(2) INSIDE OF CAR

- 2.1 Door reopening device
- 2.2 Car operating panel and buttons
- 2.3 Car lighting & ventilation
- 2.4 Car emergency alarm bell
- 2.5 Intercom System
- 2.6 Car door or gate
- 2.7 Load capacity data plate, PMA and signages
- 2.8 Car door locking device
- 2.9 Car floor, ceiling and sill

G	NG	NA
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

(3) TOP OF CAR

- 3.1 Car top emergency stop switch
- 3.2 Car top lighting and 3-pin power socket
- 3.3 Car top inspection panel and buttons
- 3.4 Car overhead, pulley/sheaves
- 3.5 Car shoes or roller guides
- 3.6 Emergency terminal stopping devices
- 3.7 Up final limit switch
- 3.8 Emergency exit hatch and switch
- 3.9 Car top railing and guarding

G	NG	NA
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

(4) INSIDE HOISTWAY

- 4.1 Hoistway construction
- 4.2 Pipes, wiring and ducts
- 4.3 Travelling cables, junction boxes
- 4.4 Guide rails securely fastened
- 4.5 Governor rope
- 4.6 Suspension ropes
- 4.7 Compensating ropes or chains
- 4.8 Rope guards correctly fitted on cwt. sheave
- 4.9 Filler weight securely fastened
- 4.10 Counterweight sheave shaft and bearing
- 4.11 Counterweight shoes or roller guides

G	NG	NA
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

(5) LANDING FLOOR

- 5.1 Approved firm and emergency contact no.
- 5.2 Hall panel buttons and Indicator
- 5.3 Landing door operation
- 5.4 Landing door & gap
- 5.5 Landing door contact switches
- 5.6 Effective mechanically door locking
- 5.7 Landing door unlocking device

G	NG	NA
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

(6) PIT

- 6.1 Access and lighting
- 6.2 Emergency stop switches
- 6.3 Pit clean and dry
- 6.4 Bottom clearance and refuge space
- 6.5 Down final limit switch
- 6.6 Governor rope tension device and switch
- 6.7 Safety operating switch
- 6.8 Car frame and platform
- 6.9 Car safeties & cwt safeties
- 6.10 Compensating chains, ropes & sheave
- 6.11 Car and counterweight buffers
- 6.12 Car and counterweight buffer switches
- 6.13 Car and counterweight buffer bottom runby
- 6.14 Sufficient car top clearance for overtravel
- 6.15 Cwt. and common lift shaft guarding

G	NG	NA
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

(7) RIDE OPERATION

- 7.1 No unusual noise or vibration during running
- 7.2 Levelling accuracy acceptable

G	NG	NA
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

TEST REQUIREMENT

	Is test satisfactory ?	Date Tested
a) Car buffer test		
i) at no load inspection speed (every 5 years)	<input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> NA	_____
b) Conterweight buffer test		
i) at no load inspection speed (every 5 years)	<input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> NA	_____
c) Car safety gear test		
i) at no load inspection speed (every 5 years)	<input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> NA	_____
d) Counterweight safety gear test		
i) at no load inspection speed (every 5 years)	<input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> NA	_____
e) Governor tripping speed test (every 5 years)		
i) Electrical tripping speed _____ mpm	<input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> NA	_____
ii) Mechanical tripping speed _____ mpm	<input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> NA	_____
f) Car door locking device		
i) Prevent trapped passenger from self rescue	<input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> NA	_____
g) EBOPS (Emergency Battery Operated Power Supply)		
i) Car lighting _____ hr(s)	<input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> NA	_____
ii) Car ventilation fan _____ hr(s)	<input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> NA	_____
h) Fire operation (TNB Power)		
i) Lift homing to fire service access level;	<input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> NA	_____
ii) Firefighting lift operation or;	<input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> NA	_____
iii) Document certified by fire Department	<input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> NA	_____
i) Load weighing calibration		
i) test manually at no load	<input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> NA	_____
ii) test with rated load (every 45 months)	<input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> NA	_____
j) Brake Test		
i) test with 125% rated load (every 5 years)	<input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> NA	_____

Comment :

Inspector Signature

Competent Person Signature

Name :

Name :

Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Perkerjaan

Date of Inspection : _____

SENARAI SEMAK PEMERIKSAAN PENYELENGGARAAN LIF BAGI JMB DAN MC

Lampiran 2

Nama dan Alamat JMB/MC

Nama & Alamat Syarikat Kontraktor Lif

Nama Atau Nombor Blok (Jika Ada)

Nama Orang Kompeten Bertugas

No. PMA Lif :
 No. Siri :
 Nombor Lif :
 Jenis Lif : (Penumpang/Barang/Hidraulic/MRL)
 Berat Maksima Lif :
 Jumlah Penumpang :
 Kelajuan Lif :
 Kuasa Kuda Motor Lif :
 Jenis Kawalan :

*Tandakan Mana Berkaitan

Servis Bulanan
 Pemeriksaan 2nd Schedule (Setiap 3 Bulan)
 Pemeriksaan Ulangan (Setiap 15 Bulan)
 Pemeriksaan Ambil Alih Selenggaraan Lif

Bil.	Elemen	Skor			Catatan
		G	NG	NA	
1 Bilik Jentera	1) Laluan ke bilik jentera dalam keadaan baik				
	2) Bilik sentiasa berkunci				
	3) Mempunyai tanda amaran				
	4) Alat Pemadam Api masih sah				
	5) Sistem Pengudaraan Berfungsi				
	6) Sistem Pencahayaan Memuaskan				
	7) Controller dalam keadaan baik				
	8) Tiada kebocoran (water leakage) dalam bilik jentera				
2 Kereta Lif (Lift Car)	1) Sistem Penggera keselamatan berfungsi dengan baik				
	2) Pengudaraan dalam keadaan baik				
	3) PMA Plate No.				
	4) Pencahayaan dalam keadaan baik				
	5) Lantai dan dinding dalam keadaan baik				
	6) "Control button and panels" dalam keadaan baik				
	7) "Lift Car Door, Landing door gap & Levelling" dalam keadaan baik				

Bil.	Elemen	Skor			Catatan
		G	NG	NA	
3 Lift Pit	1) Kering, Bersih dan Tidak Berminyak				
	2) Tangga Akses dan lampu dalam keadaan baik				
	3) Counterweight run-by mematuhi jarak minima				
	4) Travelling Cable dalam keadaan memuaskan				
	5) Partition untuk Common Lift Pit dalam keadaan baik				
	6) Pit Stop Switch berfungsi dengan baik				
4 Car Top dan Lift Shaft	1) Berkeadaan bersih				
	2) Kereta Lif dalam keadaan baik				
	-Car Guide Shoe				
	-Car Guide Rail				
	3) Counterweight berkeadaan baik				
	-Guide Rail				
	-Guide Roller Shoe				
	-Frame				
	-Tie Rods				
	-Filler				
4) Governor Rope secured properly to the linkage					
5) Facial Plates dipasang selamat.					

PROSEDUR OPERASI STANDARD PENYELENGGARAAN LIF BAGI JMB/MC

Bil.	Elemen	Skor			Catatan
		G	NG	NA	
5	Safety Components				
	Traction Machine				
	-Lining brake/shoe dalam keadaan baik				
	-Traction and Director sheave dalam keadaan baik				
	-Tidak berminyak				
	-Brake drums dipasang rapi dan sempurna				
	-Tiada bunyi luar norma				
	-Traction machine guard dipasang				

Bil.	Elemen	Skor			Catatan
		G	NG	NA	
6	Landing Door				
	-Door gap tertutup sempurna.				
	Tiada masalah level.				
	Burrer spring mesin anjai dan berfungsi				
	Safety Gear masih mampu mengawal jarak kereta lif dan Governor dalam keadaan baik				
	Kabel (wire rope) dalam keadaan baik				

Petunjuk

- G Good Condition/ Berkeadaan Baik
- NG Not Good Condition, Need repairs/ Keadaan tidak baik, perlu pembaikan
- NA Not available/ Alatan tidak berkaitan

Cadangan dan Komen (Sertakan bahagian mana yang tidak memenuhi kriteria)

Tandatangan Pemeriksa (Orang Kompeten)

Nama/Tarikh/No. IC

Tandatangan Penerima (JMB/MC)

Nama/Tarikh/No. IC

Disediakan Oleh Pihak COBKL

LAMPIRAN 3

JADUAL BERKALA SERVIS DAN PEMERIKSAAN TAHUNAN BAGI PENYELENGGARAAN LIF

Nama dan Alamat JMB/MC

Nama dan Alamat Syarikat Kontraktor Lif

Nama Atau Nombor Blok (Jika Ada)

No. PMA LIF :
 No. Siri :
 Nombor LIF :
 Tahun Semasa :

Bil.	Elemen	Pemeriksaan Bulanan					
		1	2	3 (Pemeriksaan Jadual Kedua)	4	5	6 (Pemeriksaan Jadual Kedua)
1	Bilik Jentera	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:
2	Kereta LIF (Lift Car)	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:
3	Lift Pit	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:
4	Car Top dan Lift Shaft	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:
5	Safety Components	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:
6	Landing Door	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:

Bil.	Elemen	Pemeriksaan Bulanan					
		7	8	9 (Pemeriksaan Jadual Kedua)	10	11	12 (Pemeriksaan Jadual Kedua)
1	Bilik Jentera	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:
2	Kereta LIF (Lift Car)	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:
3	Lift Pit	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:
4	Car Top dan Lift Shaft	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:
5	Safety Components	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:
6	Landing Door	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:

*untuk diisi tarikh oleh wakil pengurusan yang menyemak kehadiran kontraktor lif
Disediakan Oleh Pihak COBKL

BORANG REKOD TINDAKAN KECEMASAN KONTRAKTOR LIF (MAN-TRAP RESPONSE FORM)

(Untuk diisi pihak JMB/MC jika berlaku kerosakan kecemasan dan kes terperangkap)

No. Lif (PMA) : WP PMA/ PMA

Tarikh Kejadian :

Masa Kejadian :

Masa Panggilan Kecemasan Dibuat :

Masa Ketibaan Kontraktor :

Tempoh masa tindakbalas :

Ulasan Kerosakan :

Tandatangan Wakil Pengurusan

**Tandatangan Wakil Firma/Syarikat
Kompeten yang Menguruskan Lif**
